

Refleksi terhadap pertandingan inovasi

Arc Reactor atau Arka Reaktor merupakan projek yang telah dipilih oleh kumpulan kami untuk dipertandingkan dalam Pertandingan Inovasi yang telah dianjurkan pada 2 Disember 2019. Projek kumpulan kami sebenarnya diinspirasi daripada teknologi Arc Reactor yang merupakan satu teknologi pelbagai guna yang telah digunakan oleh Tony Stark iaitu salah satu watak daripada filem Iron Man II. Dalam filem tersebut, teknologi ini digunakan untuk membekalkan tenaga yang lebih bersih untuk menggantikan sumber tenaga nuklear dan ia juga digunakan untuk membekalkan tenaga kepada Tony Stark itu sendiri. Pada perjumpaan pertama, kami telah berbincang untuk membuat satu teknologi yang baharu dan dapat memberikan manfaat kepada manusia dalam bidang kesihatan dan juga dalam bidang lain. Selepas beberapa ketika, salah satu ahli kumpulan kami telah memberi idea mengenai projek ini. Kami bersetuju selepas membuat perbincangan dan pertimbangan terhadap projek ini.

Pada perjumpaan seterusnya, kami telah berbincang mengenai proposal bagi projek ini. Antara perkara yang telah dibincangkan ialah mengenai cara dan fungsi prototype, hubungan prototype ini kepada manusia dan agama, apakah kesan positif dan negatifnya dan juga nilai dan etika bagi projek ini. Sambil berbincang, kami juga membuat kaji selidik mengenai prototype ini untuk menjadikan projek ini lebih realistik dan tidak mempunyai sebarang kebaikan. Hal ini demikian kerana prototype yang kami ingin hasilkan ini merupakan satu teknologi yang baharu dan tidak pernah dicipta lagi dalam dunia realiti ini. Selepas itu, kami berbincang untuk menjadikan prototype ini sebagai satu teknologi yang pelbagai guna dan perkara yang paling penting adalah dapat membantu manusia khususnya kepada rakyat Malaysia. Kami juga telah bersepakat untuk menetapkan beberapa fungsi bagi prototype ini, antaranya ialah prototype ini akan dijadikan sebagai salah satu sumber tenaga alternatif dan juga untuk digunakan dalam bidang perubatan iaitu prototype ini dijadikan sebagai pengganti kepada 'pacemaker' atau perentak jantung. Sepanjang perbincangan, kumpulan kami tidak mempunyai sebarang permasalahan atau perselisihan faham antara satu sama lain. Selepas itu, kami juga telah mengadakan beberapa perjumpaan susulan bagi membincangkan perihal prototype kami. Kami juga telah memilih untuk membuat poster dan juga membina prototype kami untuk pembentangan di hari Pertandingan Inovasi. Untuk pembinaan prototype, kami telah menggunakan kotak dan juga kami telah membeli lampu untuk efek pencahayaan.

Pada pandangan saya, Pertandingan Inovasi merupakan satu aktiviti yang sangat efektif dan bagus kepada para pelajar. Pertandingan ini telah memberi platform kepada para pelajar untuk menghasilkan inovasi yang baharu atau menambah baik teknologi yang sedia ada. Perkara ini dapat membantu para pelajar untuk berfikir secara kreatif dan dapat belajar untuk menginsankan sesuatu teknologi yang dicipta. Pertandingan seperti ini sepatutnya diteruskan kepada pelajar semester hadapan yang mengambil subjek ini.

Pelbagai perkara yang dapat saya pelajari daripada pertandingan inovasi ini, antaranya ialah kemahiran komunikasi. Melalui pertandingan ini, saya dapat mengasah dan meningkatkan kemahiran komunikasi saya untuk bercakap atau berbincang bersama-sama rakan-rakan. Perkara ini dapat membantu saya untuk belajar cara untuk melontarkan pendapat dan mengkritik idea mereka tanpa melukakan hati sesiapa atau menimbulkan sebarang konflik dalam kumpulan. Justeru, perkara ini merupakan satu aspek yang amat penting untuk memastikan perjalanan dalam proses untuk menyiapkan hasil projek inovasi ini lebih lancar. Seterusnya, melalui pertandingan inovasi ini saya dapat meningkatkan kreativiti saya. Perkara ini dapat membantu saya dalam penghasilan reka bentuk prototype dan hiasan prototype yang menarik. Prototype yang dihasilkan ini merupakan salah satu pencapaian terbaik peribadi saya kerana saya merupakan seorang yang kurang kreatif. Oleh itu, menjadi satu kepuasan bagi saya kerana dapat memberi idea-idea yang bernas dan menarik untuk menjadikan projek prototype itu mempunyai hasil kreativiti yang tersendiri. Selain itu, sikap tanggungjawab juga dapat dipupuk dalam proses penghasilan projek inovasi ini. Setiap ahli dalam kumpulan mempunyai 'role' atau tugas masing-masing dalam kumpulan. Perkara ini dapat menjadikan saya melaksanakan tanggungjawab ke atas tugas yang telah disandarkan kepada saya dengan bersungguh-sungguh. Sekiranya sikap ini tidak diterapkan dalam diri setiap ahli kumpulan, sudah pasti projek ini tidak dapat disiapkan dan mempunyai pelbagai masalah yang akan timbul rentetan daripada perkara tersebut. Akhir sekali, Pertandingan Inovasi ini dapat membantu saya untuk meningkatkan keyakinan dan keberanian dalam diri saya. Perkara ini dapat membantu saya ketika pembentangan yang berlaku sewaktu Pertandingan Inovasi. Ketika pembentangan, saya dapat belajar cara untuk meyakinkan juri tentang projek kami. Saya percaya jika saya menyerlahkan sikap keyakinan yang rendah sewaktu itu sudah pasti juri juga akan berasa tidak yakin dan ragu-ragu dengan penghasilan projek kami.

Natijahnya, Pertandingan Inovasi ini dapat memberikan saya pengalaman yang terbaik dan juga dapat memupuk kemahiran-kemahiran yang amat diperlukan dalam era Revolusi Industri 4.0 ini. Oleh itu, pertandingan seperti ini perlu diteruskan supaya dapat memberikan peluang kepada pelajar yang akan datang dapat mengasah kemahiran-kemahiran dalam diri mereka.